

didikan di sekolah agama. 1937 ia menjadi penulis kepada Nahdatul Ulama di Cukir dan pada tahun 1938 ia menjadi Ketua Nahdatul Ulama Jombang. Pada tahun 1939 menjadi ketua Nahdatul Ulama Surabaya. 1940 menjadi ketua Majlis Islam al-A'la Indonesia (MI). Sekarang ia menjadi anggota Dewan Pimpinan Masyumi. Dalam Jemaah Menteri pertama Indonesia Syarikat Wahid Hasyim pernah menjadi Menteri Agama.

Menteri Kesihatan

Menteri Kesihatan
bagi Republik

Indonesia Dr

Johannes Leimena

dizahirkan di Ambon

pada bulan Mac

tahun 1905. Setelah

tamat sekolah rendah

dan MLO ia

masuk ke Kolej

Doktor di Stovia tahun 1922 dan 8 tahun kemudian,

1930, ia telah lulus menjadi tabib dan pada tahun 1939

ia mendapat kelulusan Doktor dalam ilmu tabib. 1930-31

ia bekerja di Rumah Sakit Besar di Jakarta dan 1931-41 ia

bekerja di rumah sakit di Bandung. Dalam masa pemerintahan Jepun

ia menjadi ketua dalam "Bayuwasih" di Puruwakartu.

Apabila berdiri Republik yang kedua dan yang ketiga ia menjadi wakil Menteri Kesihatan. Dalam Jemaah Menteri Syarifuddin ia menjadi Menteri Kesihatan dan demikian juga dalam Jemaah Menteri Hatta (1948) jawatan itu dipegangnya. Semenjak daripada zaman Rinbil Dr Leimena mengambil bahagian yang mustahak dalam urusan tentera. Apabila berlaku persidangan meja bulat dahulu ia menjadi ketua wakil bagi tentera Republik. Dr Leimena ialah salah seorang daripada

pengasas pertubuhan Pemuda Maluku dan sekarang menjadi anggota Para Kindur. Di dalam RIS ia menjadi Menteri Kesihatan dan dilantik semula dalam Menteri Negara Persatuan ini.

Hal Ehwal Dunia

APA ADA DALAM CITA-CITA KEAMANAN DUNIA

(Oleh Anak Negeri)

Kebanyakan daripada mereka-mereka yang hidup hari ini telah merasai penanggungan-penanggungan atau kesan-kesan yang terbit daripada peperangan Dunia yang pertama dan yang kedua dan orang-orang kita di Semenanjung Tanah Melayu ini yang dahulunya tidak pernah merasai pahit maungnya peperangan yang pertama itu telah menderita dalam peperangan yang kedua dan telah merasai kepahitan-kepahitan kedudukan Jepun yang mempunyai sifat melanggar atau dengan ringkasnya mempunyai sifat Fascist yang di dalamnya kita merasa betapa sakitnya duduk di bawah suatu kuasa seperti itu, dan betapa payahnya kita hidup di dalam masa peperangan yang moden ini yang menjadikan kita setiap sangat terasa seakan-akan hendak masuk ke perut ibu, keamanan kita terganggu, kesejahteraan kita terkacau dan kita sentiasa teringat kepada ketakutan anak-anak melihat serangan-serangan udara yang hebat dan ganas sama ada datangnya dari pihak musuh ataupun datangnya dari pihak kita sendiri yang menyerang balas untuk mengambil semula kekuasaan di negeri ini.

Dengan merasai penderitaan yang demikian itu maka rasanya tidak ada seorang pun yang hidup di dalam dunia ini yang tidak menyukai kepada keamanan, dan tidak ada seorang pun daripada mereka itu yang tidak ingin hidup aman dan sejahtera terjauh daripada bala bencana peperangan yang pada suatu masa jika berlaku menjadikan nyawa dan kedudukan serta keselamatan kita bak telur di hujung tanduk – setiap saat terancam dan terganggu terutamanya sebagai kedudukan kita di Semenanjung Tanah Melayu ini tentulah kita sebagai orang

kecil yang jika tidak memihak kepada sebelah menyebelah akan menderita juga bahang-bahangnya, akan menderita juga sakit dan pahitnya oleh kerana peperangan yang dibenci oleh kita sama juga kedudukan kita seperti kata pepatah “Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah.”

Keamanan itu pada suatu masa dirancang supaya masing-masing kerajaan di dunia melucutkan senjatanya, mengadakan senjata hanya sekadar memadai untuk mengawal hal ehwal dalam negerinya sahaja tetapi pada suatu masa keamanan itu tidak boleh diadakan dengan cara begitu melainkan hendaklah ia didirikan di atas persenjataan disebabkan tiap-tiap golongan di dalam dunia ini di antara satu dengan lain tidak menaruh tulus ikhlas dan masing-masing tamak untuk menjaga maslahat dan kedudukannya daripada dikacau oleh mereka-mereka yang tamak yang akan mempergunakan kekerasan senjatanya bagi mendapat apa yang dimaksudkan dan dituju oleh mereka itu – mereka itu masing-masing membuat akuan-akuan sahaja dengan tidak meletakkan tulus ikhlas dan tidak percaya-memercayai.

Sebelum berlaku Perang Dunia yang Kedua rancangan-rancangan melucutkan senjata telah diadakan dan Great Britain pada masa itu dengan Perdana Menteri Tuan Ramsey McDonald telah mengetuai rancangan yang demikian itu yang dengannya lalu melengahkan segala persenjataan selama 5 tahun dan di sebalik itu maka Jerman dengan bersunyi-sunyi dari setapak ke setapak melengkapi dirinya tetapi di dalam suaranya keluar ia menyertai langkah-langkah keamanan itu dan akhirnya setelah kedudukannya kuat maka iapun mengadakan suatu langgaran yang menakjubkan seluruh dunia dengan suatu serangan persenjataan yang baharu yang menjadikan hampir-hampir seluruh benua Eropah dan Great Britain terletak di bawah takluknya. Dengan kejadian-kejadian peperangan ini maka mereka-mereka yang telah menderita di dalamnya terasa bagaimana mustahaknya mencari keamanan supaya tidak lagi mereka itu bagaimana pahitnya, bagaimana

susah payahnya orang-orang di dalam peperangan itu yang kita sendiri pun telah merasa keadaan yang perit tadi yang menjadikan tiap-tiap seorang tadi di dalam hatinya merasa tidak mahu lagi termasuk di dalam peperangan.

Dengan demikian maka apabila terbit bahawa suatu kongres telah diadakan pada 15 Mac 1950 di Stockholm (Norway) untuk merancang keamanan di dunia maka berita itu telah disambut oleh mereka yang sukakan keamanan dan boleh dikatakan oleh tiap-tiap orang dan seruan keamanan di Stockholm itu telah dipanjangkan oleh akhbar China Nan Chow Jit Poh dalam awal minggu bulan September bagi memungut tanda-tanda tangan orang-orang di Singapura dan di Semenanjung Tanah Melayu yang gemarkan keamanan menyertai gerakan itu bagi menunjukkan kepada serata dunia bahawa semua orang di dalam dunia ini gemar kepada keamanan. Asas yang demikian ini sudah tentu diterima oleh tiap-tiap seorang yang berkehendakkan bebas fikirannya tetapi adakah sebenarnya langkah itu menuju kepada yang dicita-cita atau ada tujuan-tujuan di sebalik gerak yang maha besar itu? Adakah yang demikian ini menunjukkan riwayat yang berlaku sebelum peperangan yang pertama dan kedua mengulangi tawarikhnya? Inilah perkara-perkara yang patut kita perhati di sebalik cita-cita itu.

Jika kita perhati bahawa seruan-seruan itu didatangkan kepada negari-negari yang di luar daripada Russia maka sudah tentu tujuannya bagi menarik penduduk-penduduk negeri-negeri di luar daripada Russia itu menuntut supaya negeri masing-masing mereka itu melucutkan senjata, mengharamkan menggunakan bom atom yang dipandang tidak berkemanusiaan itu tetapi di sebalik itu adakah orang-orang mengetahui apa yang terjadi dan apa yang dibuat di dalam Russia, negeri yang ditakuti oleh seseorang akan membawa peperangan yang hebat tidak ada orang yang mengetahui apa yang ada dibuat di dalam negeri Russia itu. Orang-orang tidak keluar masuk ke sana dan daripada apa yang nyata kepada kita


sebagai contoh dapatlah kita perhati bagaimana sebuah kapal perniagaan Russia yang telah datang ke mari di kiri kanannya, haluan dan buritannya terletak tempat-tempat untuk meriam-meriam penembak kapal terbang. Semuanya ini adalah menunjukkan bahawa kesiapan untuk berperang telah pun dibuat.

Sangkaan yang telah disampaikan adalah menunjukkan bahawa di sana ada 120 ketumbukkan askarnya 300 lebih kapal selam (sedang Germany hanya mempunyai 120 buah dalam masa peperangan itu seluruh dunia kucar-kacir dibuatnya), beberapa banyak tank tidak diketahui orang dan demikian juga kapal terbangnya dan jika tiba masanya sudah tentu digunakan dan apakah faedahnya sekiranya mereka menyeru kepada keamanan dunia kalau keamanan itu disediakan dengan persenjataan?!

Oleh itu kita wajib menghalusi supaya kita jangan mudah tercebur dan jangan mudah terikut sebelum kita cukup mengetahui apa tujuan-tujuan yang dikehendaki kepada keamanan dunia di dalam suara menyeru supaya dunia jangan bersenjata dan menyeru supaya menuntut keamanan tetapi di sebalik itu ada merbahaya kepada negeri-negeri itu atas suatu persenjataan yang kuat yang pada bila-bila masa akan merebak mara ke hadapan dalam masa dunia tidak bersenjata - inilah yang dituju? Perkara inilah mesti kita halusi adakah seruan keamanan itu sebenar-benarnya membawa dan ditujukan kepada cita-cinta dan angan-angan negeri berwang merah itu menjadikan bangkitan sedunia yang ditakuti oleh tiap-tiap dunia luar bukannya sahaja hari ini tetapi sesudah Perang Dunia yang Pertama membawa kepada Perang Dunia yang Kedua.

Kita mesti cemburu dan kita mesti melihat dengan nyata

sebelum kita mengikut sesuatu rancangan atau sesuatu cita-cita yang dianjurkan oleh sesuatu tujuan itu –jangan mudah kita terikut-ikut atau terbawa-bawa kepada segala cita-cita itu kerana kita telah mendengar daripada siaran akhbar-akhbar bagaimana keadaan orang Islam yang telah menderita di bawah keadaan pemerintahan yang demikian. Oleh itu janganlah kita terkena dua kali mengharap kepada guruh di langit – air di tempayan dicurahkan, mengharapkan bahagia dan kebebasan kita terikat kerana masing-masing kita telah mengetahui bagaimana semboyan Asia bagi orang-orang Asia dahulu apa kesudahannya dengan apa yang kita terima adanya.



Tiap-tiap seorang tentu suka perdamaian dan tidak suka menderita serangan bumi seperti ini tetapi.....